

**NO. SOALAN: 91**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 19 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9008**

**SOALAN:**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik jumlah pusat pengedaran dadah mengikut negeri dan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyalahgunaan dadah masih merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudatan yang besar serta boleh menghancurkan keharmonian negara termasuk institusi kekeluargaan itu sendiri. Penglibatan dalam pengambilan dadah juga boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar pengangguran dalam negara kerana mereka yang terlibat dengan dadah tidak lagi mempunyai daya saing untuk bekerja dengan tekun dan sukar untuk diterima bekerja oleh majikan.

Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, PDRM telah berjaya membongkar 102 makmal haram memproses dadah di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga 2016 (Jan- Mac). Pecahan makmal yang berjaya dibongkar mengikut negeri adalah seperti berikut :

BIL	KONTINJEN	2013	2014	2015	2016 (JAN-MAC)	JUMLAH
1	KEDAH			4		4
2	PULAU PINANG	15	8	12	1	36
3	PERAK	1	1	4		6
4	SELANGOR	9	5	4		18
5	KUALA LUMPUR	2	5	8		15
6	N/SEMBILAN		1		1	2
7	MELAKA		1	2		3
8	JOHOR	6	3	3	1	13
9	KELANTAN		1			1
10	PAHANG		1	1	1	3
11	SABAH	1				1

JUMLAH	34	26	38	4	102
--------	----	----	----	---	-----

Bagi membanteras kegiatan memproses dadah melalui makmal haram, PDRM akan terus memberi fokus dengan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan melalui strategi seperti berikut:

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;
- b) Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin*, sindiket pengedaran dadah berskala besar serta membongkar makmal haram memproses dadah;
- c) Menghadiri mesyuarat secara berkala yang diselenggarakan oleh Jabatan Farmasi, Kementerian Kesihatan bagi membincangkan isu terkini berkaitan pemesanan prekursor serta mencari penyelesaian tersebut; dan
- d) Menjalankan kerjasama dengan syarikat pembekal bahan kimia tempatan untuk mendapatkan maklumat dalam menjalankan siasatan secara terperinci dan menyediakan profiling bagi mengenalpasti sumber serta laluan pemesanan prekursor dan bahan kimia oleh sindiket pengedaran dadah.